

**TEKS UCAPAN YBHG. DATO' YANG DIPERTUA**  
**MAJLIS CABUTAN BERTUAH DAN PENYAMPAIAN HADIAH**  
**SEMPENA PROMOSI CUKAI PINTU 2015**  
**24 MAC 2015 (SELASA)**  
**DI PERKARANGAN LOBI**  
**IBU PEJABAT MPSP**

---

**Terima kasih Saudara Pengacara Majlis**

**Yang Dihormati Ahli-Ahli Majlis**  
**Majlis Perbandaran Seberang Perai**

**Yang Berusaha Tuan Sr Hj Rozali bin Hj Mohamud**  
**Setiausaha Perbandaran, Majlis Perbandaran Seberang Perai**

**Ketua-Ketua Jabatan**  
**Majlis Perbandaran Seberang Perai**

**Rakan-Rakan Media**

**Yang Diraikan Pemenang-Pemenang Cabutan Bertuah**

**Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang Saya Hormati Sekalian**

---

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Selamat Pagi dan Salam  
Sejahtera.**

Alhamdulillah, suka saya memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah dan izin-Nya telah memberi kita semua kesihatan dan juga kelapangan yang baik pada hari ini untuk berkumpul di Majlis Cabutan Bertuah dan Penyampaian Hadiah Sempena Promosi Bayaran Cukai Pintu 2015 yang telah berlangsung mulai 1 Disember 2014 hingga 31 Januari 2015 yang lalu.

Terlebih dahulu, saya ingin mengucapkan tahniah kepada semua pemenang Cabutan Bertuah Sempena Promosi Bayaran Cukai Pintu 2015. Kerjasama yang erat serta sambutan yang baik daripada pembayar cukai dalam menunaikan tanggungjawab membayar cukai dalam tempoh yang ditetapkan adalah sangat diharapkan bagi memastikan Seberang Perai terus progresif dan kondusif.

MPSP sentiasa responsif dan prihatin dalam memberikan penyampaian perkhidmatan bagi memenuhi ekspektasi pelanggan dan “stakeholders” secara keseluruhannya. Hasrat ini adalah seiring dengan visi MPSP iaitu menjadikan “Seberang Perai yang lebih bersih, indah dan selesa didiami, bekerja serta menjadi tarikan pelaburan dan pelancongan menjelang 2018”.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan Sekalian,

Promosi Bayaran Cukai Pintu 2015 telah bermula pada 1 Disember 2014 hingga 31 Januari 2015 yang lalu. Pembayar cukai yang membayar keseluruhan cukai setahun 2015 berserta tunggakan akan menerima dua (2) buku kupon letak kereta (kupon jam) sebagai cenderamata serta layak menyertai cabutan bertuah dan tahun 2015 merupakan tahun ke-6 MPSP mengadakan program sebegini.

Program Promosi Bayaran Cukai Pintu yang dilaksanakan telah mendapat sambutan yang memberangsangkan daripada warga Seberang Perai. Berdasarkan statistik dari tahun 2012 hingga 2014, kesedaran pembayar cukai meningkat dari tahun ke tahun dengan trend peningkatan jumlah kutipan dan bilangan premis yang layak.

Perkara	Promosi 2012	Promosi 2013	Promosi 2014
Bilangan Transaksi	61,132 transaksi	75,345 transaksi	77,667 transaksi
Bilangan layak	21,495 akaun	24,348 akaun	25,755 akaun
Jumlah Kutipan	RM 15.57 Juta	RM 20.72 Juta	RM 20.28 juta

Jadual 1: Statistik Bilangan Transaksi, Bilangan Layak dan Jumlah Kutipan

Bagi promosi kali ini, jumlah kutipan cukai pintu yang berjaya diperolehi adalah sebanyak RM38.54 juta dengan jumlah transaksi sebanyak 112,190 transaksi. Jumlah kutipan telah meningkat sebanyak 90% berbanding jumlah kutipan bagi promosi tahun sebelumnya iaitu RM20.28 juta. Bilangan akaun yang layak menyertai cabutan bertuah juga meningkat sebanyak 45.39% kepada 37,443 akaun (premis) berbanding jumlah yang layak tahun sebelumnya iaitu sebanyak 25,755 premis. Memandangkan sambutan yang menggalakkan daripada pembayar cukai, MPSP akan terus melaksanakan program promosi cabutan bertuah untuk tahun akan datang sebagai penghargaan berterusan kepada pembayar-pembayar cukai taksiran yang menjelaskan cukai taksiran mereka lebih awal.

Program ini juga dilaksanakan bagi menggalakkan pembayar cukai menjelaskan tunggakan cukai pintu bagi premis masing-masing. MPSP amat memandang serius ke atas pemilik-pemilik premis yang mempunyai tunggakan dan tindakan perundangan akan di ambil kepada pemilik premis yang masih gagal menjelaskan cukai pintu. Untuk makluman, MPSP telah mengambil tindakan perundangan dan membawa **5 kes** pemilik tegar ke mahkamah dengan nilai tunggakan cukai sebanyak **RM13.58 juta**. Tindakan ini dilihat perlu bagi memberikan kesedaran kepada pembayar cukai taksiran akan tanggungjawab menjelaskan cukai taksiran setiap tahun dan mengikut tempoh yang telah ditetapkan.

Berdasarkan statistik, jumlah tunggakan terkumpul bagi cukai taksiran juga menunjukkan trend penurunan dari tahun 2009 hingga 2013.

Tahun	Jumlah Tunggakan (RM)
2009	RM45.92 juta
2010	RM42.62 juta
2011	RM34.32 juta
2012	RM27.43 juta
2013	RM21.85 juta

Jadual 2: Statistik Tunggakan Terkumpul Cukai Taksiran MPSP

Tuan-Tuan dan Puan-Puan Sekalian,

Pada 25 Februari 2015 yang lalu, cabutan pemenang telah dibuat dan 50 pemenang telah ditentukan. Pemenang berkenaan telah dihubungi oleh urusetia Jabatan Perbendaharaan bagi urusan pengesahan dan hari ini tuan-tuan dan puan puan telah hadir dan berkumpul di ibu pejabat MPSP bagi menentukan hadiah yang bakal dibawa pulang. Hadiah-hadiah yang disediakan adalah terdiri daripada barangan perkakasan rumah, barangan elektrik, smartphone, peralatan kesihatan serta rekreasi dan hadiah utama iaitu sebuah Treadmill Gintell bagi menggalakkan penduduk Seberang Perai beriadah dan meningkatkan taraf kesihatan yang lebih baik.

Terima kasih diucapkan kepada semua pembayar cukai yang telah menjelaskan cukai pintu mereka untuk tahun 2015. Semoga Seberang Perai akan lebih progresif untuk tahun-tahun akan datang.

Sekali lagi saya ingin mengucapkan tahniah kepada kesemua 50 pemenang cabutan bertuah yang hadir pada hari ini.

Dengan itu, saya sudahi dengan Wabillah Hitaufik Walhidayah  
Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Sekian, terima kasih.